

Waktu Solat
Malaysia

10:47 am

11 Mac 2025, Selasa 10 Ramadan, 1446 H

Kuantan



Imsak

05:58 am



Subuh

06:08 am



Zohor

01:20 pm



Asar

04:30 pm



Maghrib

07:22 pm



Isyak

08:31 pm



Operasi padam kebakaran ladang kelapa akhirnya ditamatkan

BERNAMA



ANGGOTA bomba menggunakan dron untuk meninjau keadaan kawasan kebakaran ladang kelapa di Jalan Pintasan Kuantan-Sungai Ular, Gebeng, Khamis lalu. FOTO Muhammad Delima Atan.

Kuantan: Operasi memadam kebakaran ladang kelapa dan hutan seluas 176 hektar di Jalan Pintasan Kuantan-Sungai Ular, Gebeng di sini yang bermula sejak 22 Feb lalu ditamatkan sepenuhnya hari ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang Mohd Razam Taja Rahim bagaimanapun berkata, pemantauan rapi di lokasi tersebut akan terus dijalankan oleh Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Gebeng selama tiga hari.

Beliau berkata, langkah pengawasan itu penting memandangkan kebakaran berlaku di tanah gambut yang kebiasaannya bara api berada dalam tanah.

"Melalui pemantauan ini, kita akan pastikan tiada lagi kesan bara (dalam tanah gambut) yang boleh mencetuskan [kebakaran semula](#). Pihak JBPM ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada agensi terlibat iaitu Pejabat Daerah Kuantan, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran.

Disyorkan

- [Operasi padam kebakaran ladang kelapa akhirnya ditamatkan](#)
- [Kopi dari Malaysia dikesan mengandungi Tadalafil - SFA](#)
- [Keputusan berpoligami perlu perbincangan, toleransi - Ashraf Muslim](#)
- [Alonso percaya Leverkusen boleh lakukan keajaiban](#)
- [Nahas motosikal dirempuh Honda Jazz, seorang lagi remaja maut](#)

"Turut tidak terkecuali Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain pihak yang telah bersama-sama dengan JBPM dalam melaksanakan operasi pemadaman. Kerjasama baik ini mencerminkan tahap kecaknaan kerajaan terhadap kelestarian hidup rakyat," katanya dalam kenyataan malam ini.

Kebakaran yang bermula di ladang kelapa sebelum merebak ke hutan sekitarnya menyebabkan indeks pencemaran udara (IPU) di kawasan Balok Baru berada pada kategori tidak sihat dengan bacaan 193 pada Selasa.

Melibatkan lebih 70 anggota dan pegawai daripada 10 balai bomba dan penyelamat, kebakaran itu juga mendapat perhatian Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menitahkan penduduk sekitar Balok Baru supaya berhati-hati susulan pencemaran udara di situ.

Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad turut meninjau lokasi kebakaran Khamis lepas.